

Penyampai : Y.BHG. TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Tajuk : MAJLIS KHIDMAT BAKTI BIL.2/2001
Lokasi : HOTEL SHERATON IMPERIAL KUALA LUMPUR
Tarikh : 09-01-2002

Y. Bhg. Dato'-Dato',

Datin-Datin,

Saudara Saudari yang dihormati sekalian Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berhimpun di sini pada malam ini.

Dengan izinNya juga dapat kita sekali lagi mengadakan Majlis Khidmat Bakti kedua bagi tahun 2001, walaupun kita kini telah melangkah ke tahun 2002.

2. Tidak terlambat lagi rasanya untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri, Selamat Hari Krismas dan Selamat Menyambut Tahun Baru. Semoga kedatangan tahun baru yang jatuh di bulan Syawal yang mulia, membawa kejayaan dan kemakmuran kepada negara yang kita cintai.

Hadirin sekalian,

3. Majlis ini amat istimewa kerana ia menghimpun dan meraikan dua kumpulan pegawai yang memberi erti yang besar kepada Perkhidmatan Awam. Kumpulan pertama ialah mereka yang telah sekian lama mencurahkan bakti kepada Perkhidmatan Awam dan negara. Mereka adalah sebahagian daripada pengurus dan pemimpin yang kini meninggalkan Perkhidmatan Awam setelah memanfaatkan minda, tenaga dan usia mereka kepada Kerajaan. Majlis ini juga merai dan merakamkan ucapan tahniah kepada pegawai-pegawai kanan yang sedang meningkat maju dalam kerjaya mereka dan telah dinaikkan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi. Mereka inilah yang akan menyambung khidmat bakti dan bakal menerajui kepimpinan Perkhidmatan Awam.

Yang patah kan tumbuh, yang hilang kan berganti.

4. Meminjam kata-kata Allen Lagarbo, "Christmas, weddings, funerals, graduations, retirements, and births are like speed bumps in life. We slow down, look around, think about our lives, and then over the bump, we speed up to our usual pace." Jika bersetuju dengan kata-kata ini, kita akan terdorong untuk meneruskan kehidupan secara aktif, dan ini akan menghilangkan kegusaran termasuk kerisauan tentang umur yang semakin meningkat.

5. Saya percaya saudara-saudari pesara sekalian telahpun menyediakan perancangan masing-masing untuk memenuhi agenda dalam kehidupan baru. Inilah peluangnya untuk menghabiskan masa bersama keluarga dalam suasana yang tenang, mesra dan tidak dihambat oleh kesibukan mengejar rutin kerja harian yang tidak pernah reda. Inilah juga masa untuk memenuhi tuntutan hobi yang selama ini tidak pernah dapat ditunaikan. Kepada peminat golf, tentunya tidak lagi terpaksa berkejar-kejar untuk menghabiskan sembilan lubang di petang hari bekerja atau berebut-rebut giliran di hari minggu. Kepada yang suka memancing pula, mungkin inilah peluang untuk menjelajah ke lubuk-lubuk yang lebih jauh serta berentap dengan toman dan kelah, serta melupakan sejenak kolam-kolam berbayar sekitar KL. Tidak ketinggalan mereka yang berminat untuk menumpukan masa yang lebih kepada amal ibadat serta menghadiri kelas-kelas agama untuk bekalan akhirat. Ada pula yang memilih untuk menemani isteri ke pasar dan melayani kerendah cucu, dan sekali sekala menikmati teh tarik dan roti canai bersama sahabat handai dalam suasana tenang dan tenteram.

6. Bagi yang memilih untuk beristirahat dan menggunakan masa bersama keluarga dan sanak saudara, saya ucapkan selamat berbahagia. Mungkin inilah ketika yang ditunggu-tunggu oleh anak-anak, menantu dan cucu. Bagi sesetengah isteri, persaraan suami dan peluang untuk bersama dianggap sama manisnya dengan waktu ketika mula mendirikan rumah tangga. Retirement bagi mereka ini bermakna

mendapat "twice as much husband" walaupun pendapatan suami semakin berkurangan. Dalam keadaan begini, mungkin inilah masa yang paling sesuai untuk membalas budi isteri yang selama ini menunggu penuh kesabaran dan tidak jemu-jemu memberi dorongan untuk kejayaan suami. Kata setengah orang "some men achieve distinction by the kind of car they drive - others by the kind of wife, that is driving them". Dalam pada itu, jangan pula terlampau memerap diri di rumah sehingga merisaukan si isteri. Ada saya mendengar isteri yang merungut tentang kerena "suami sepenuh masa"; "...Ke laman dia meneman, ke dapur dia mengekor ke pasar dia ingin ikut sama, rimas saya dibuatnya..." kata isteri tersebut.

7. Walau apa pun rancangan yang dirangka, saya berharap tidak ada yang akan terus leka dengan 'kerehatan yang berpanjangan'. Masa terluang perlu diisi dengan aktiviti yang bermanfaat. Di samping untuk mendapat kepuasan kepada diri sendiri banyak kegiatan yang bermakna kepada keluarga dan masyarakat dapat diceburi. "Retirement should be viewed as a second life composed of various stages of fulfillment." Jadikanlah persaraan sebagai an opportunity to replace a work-oriented lifestyle with a new one, equally or even more exciting. Umur tidak menjadi ukuran. Cuba lihat di sekeliling kita sekarang.

Sekali pandang memang sukar untuk dibezakan antara mereka yang bersara dengan mereka yang masih berkhidmat. Semua segar dan masih bertenaga. Dengan itu usia bukanlah batu penghalang bagi seseorang untuk terus menabur bakti dan memberi khidmat yang lebih cemerlang. Saya yakin saudara-saudari berupaya untuk melaksanakannya kerana saudara- saudari merupakan orang yang pernah berjaya dan berjasa.

Malah ada pula yang menganggap warga senior sebagai "recycled teenagers" yang penuh dengan tenaga baru dan masih produktif. Maka tidak hairanlah ramai pesara Kerajaan, terutama di kalangan pegawai-pegawai kanan, telah 'ditempah' awal-awal oleh sektor swasta dengan janji ganjaran yang amat lumayan.

Hadirin sekalian,

8. Sesungguhnya Perkhidmatan Awam akan kehilangan pegawai-pegawai kanan dan pemimpin yang telah banyak memberi sumbangan kepada Perkhidmatan Awam dan negara.

Bagaikan kayu besar di tengah padang Rimbum daunnya tempat berteduh Kuat dahannya tempat bergantung Kukuh batangnya tempat bersandar Besar akarnya tempat bersila

9. Pengalaman dan kejayaan saudara-saudari dalam menghadapi pelbagai cabaran dan ujian meninggalkan pembelajaran yang amat berguna. Ketokohan dan kewibawaan kepimpinan yang ditunjukkan akan terus menjadi pendorong serta daya penggerak kepada pemimpin-pemimpin baru untuk melangsungkan tugas dan tanggungjawab dengan lebih gigih.

10. Walaupun kita akan kehilangan pegawai-pegawai yang pernah bersama membina dan menggerakkan Perkhidmatan Awam, saya percaya kita tidak akan kehilangan sahabat. Kita akan terus bersua dan meneruskan hubungan silaturrahim. Kebanyakan daripada kita akan terus berinteraksi, bertukar fikiran atau sekurang-kurangnya berbalas cerita-cerita menarik di padang golf atau majlis-majlis sosial. Kepada yang meneruskan kerjaya di sektor korporat dan badan-badan sukarela, tentunya hubungan kita akan lebih kerap untuk menyambung sumbangan kepada bangsa dan negara. Saudara-saudari juga mungkin boleh menjadi pemangkin kepada pelbagai usaha Kerajaan dalam melaksanakan program-program tertentu. Dengan kepesatan pembangunan ICT pada hari ini dan cabaran globalisasi yang semakin mencengkam, usaha-usaha ke arah mewujudkan masyarakat bermaklumat merupakan asas penting bagi membantu melonjakkan pencapaian negara. Hubungan kerjasama antara Kerajaan, swasta dan komuniti akan dipertingkatkan. Inilah antara ciri-ciri tadbir urus yang baik. Untuk itu, sebagai bekas pegawai-pegawai kanan Kerajaan, saudara-saudari mungkin dapat memainkan peranan dalam membantu Kerajaan merealisasikan hasrat ini.

11. Kita tahu bahawa ramai bekas penjawat awam yang berjaya menempa nama dan bersama-sama membantu Kerajaan menggerakkan semula ekonomi negara. Kejayaan mereka sebagai tokoh korporat

dalam mengharungi persekitaran yang semakin mencabar menjadi kebanggaan kita semua yang masih berkhidmat dengan sektor awam. Sudah tentu ada di antara tetamu kita malam ini yang akan sama-sama berjaya dan kita berharap hubungan kita akan terus terjalin erat walaupun dalam bidang yang berbeza.

Hadirin yang diraikan,

12. Bersama-sama kita pada malam ini juga ialah pegawai-pegawai kanan yang telah dilantik bagi memegang jawatan yang lebih tinggi dan menerajui pelbagai kementerian dan jabatan. Sesungguhnya kenaikan pangkat merupakan satu pengiktirafan Kerajaan kepada sumbangan yang telah dicurahkan selama ini. Pada masa yang sama ia tersirat pengharapan yang tinggi terhadap kepimpinan baru ini untuk membawa Perkhidmatan Awam ke tahap pencapaian yang lebih cemerlang. Saudara-saudari diberi amanah yang besar untuk bersama memimpin anggota organisasi masing-masing ke arah pembentukan sebuah Perkhidmatan Awam yang teguh. Beberapa petikan yang akan saya bacakan ini membayangkan tingginya pengharapan terhadap seseorang pemimpin: Menjadi pemimpin ia amanah Taat memegang janji dan sumpah Terhadap rakyat ia peramah Terhadap sahabat ia pemurah Dalam bercakap berhalus lidah Hatinya terang fikiran cerdas Ilmunya banyak pengetahuan luas Tahu menelah hujan dan panas Tahu memilih antah dan beras Tahu berlembut pandai berkeras Sakit dan susah ia tahankan Pedih dan perit ia sabarkan Berkorban tidak harap balasan Berbudi tidak harap pujian Dada beriman akal sempurna Menjalankan tugas hatinya rela Memikul beban bermanis muka Bekerja keras sehabis daya

13. Sebagai pemimpin, selain menentukan kesinambungan kepada usaha-usaha yang ditinggalkan oleh seniors, saudara-saudari juga akan berdepan dengan cabaran-cabaran baru yang lebih hebat. Agenda penting yang tersedia ialah untuk mengekalkan kecemerlangan Perkhidmatan Awam agar terus berupaya membantu negara menggerakkan semula pertumbuhan ekonomi. Antara tanggungjawab utama ialah menentukan pengurusan projek pembangunan dan urusan pembayaran dibuat dengan segera. Sebagaimana maklum Kerajaan telah memperuntukkan RM4.3 bilion untuk pelbagai projek pembangunan dan beberapa strategi di bawah Belanjawan 2002 untuk merangsang ekonomi supaya terus bergerak dan berkembang. Peruntukan yang besar ini perlu diuruskan dengan cekap dan cepat supaya ia dapat menghasilkan kesan berganda dan seterusnya mempercepatkan pertumbuhan ekonomi.

14. Dalam perspektif yang lebih luas, peranan kita ialah untuk bersama membantu negara menangani pelbagai isu yang timbul kesan daripada globalisasi yang semakin ketara. Sememangnya masa depan membawa bersama pelbagai cabaran yang semakin sukar ditangani.

Percaturan ekonomi antarabangsa dengan liberalisasi perdagangan serta percaturan bisnes bentuk baru merentasi sempadan negara, perlu dihadapi dengan penuh hikmah dan bijaksana. Sementara itu perkembangan ICT semakin pantas dan menjanjikan pelbagai peluang untuk direbut. Pada masa yang sama tumpuan juga harus terus diberi kepada mengukuhkan amalan nilai dan etika yang menjurus kepada keutuhan pengurusan yang lebih tinggi.

15. Kita harus bersyukur kerana Perkhidmatan Awam yang kita sama-sama bina telah menempa pelbagai kejayaan, termasuk dalam memanfaatkan ICT untuk kemudahan rakyat.

Baru-baru ini, kita melancarkan eKhidmat atau eServices salah satu projek perintis dalam aplikasi perdana Kerajaan Elektronik. E-Khidmat memberi tumpuan kepada hubungan "C to G" atau "Citizen to Government". Ia akan merintis jalan bagi memperkembangkan konsep pelanggan berurusan dengan Kerajaan secara elektronik. Melalui saluran baru ini orang ramai tidak perlu lagi beratur untuk membayar saman, bil-bil elektrik dan telefon di kaunter-kaunter. Mereka boleh menggunakan kios atau komputer peribadi atau kaedah yang lebih canggih dan mendapatkan perkhidmatan yang lebih berbagai di masa hadapan.

16. Sementara kita berbangga dengan pencapaian ini, jangan pula kita lupa untuk terus meningkatkan kualiti perkhidmatan kaunter yang ada sekarang. Masih ramai pelanggan yang memerlukan perkhidmatan kaunter secara bersemuka sekurang-kurangnya sehingga eKhidmat berkembang luas dan diterima ramai. Kita masih menerima aduan dan mendengar rungutan tentang kelemahan dalam

beberapa perkhidmatan asas termasuk perkhidmatan kaunter dan layanan melalui telefon. Saya amat berharap saudara-saudari sebagai ketua jabatan dan pengurus tertinggi yang baru dilantik dapat memberi perhatian kepada perkhidmatan dan rakyat. Kita mempunyai garis panduan yang lengkap dan jika ia diikuti dengan penuh kesungguhan, saya percaya kita dapat mengatasi atau mengurangkan kelemahan-kelemahan tersebut. Lagi pun perkara yang sering menjadi isu bukannya di luar kemampuan kita untuk mengatasinya. Ia merupakan perkara rutin yang kadang-kadang terabai oleh kebiasaan. Sebagai ketua jabatan kita perlu sentiasa mengingatkan pegawai dan staf tentang pekeliling dan garis panduan yang disediakan. Sekali sekala kita hendaklah membuat pemantauan atau semakan mengejut bagi memastikan semua yang terlibat melaksanakan tugas masing-masing dengan sempurna.

17. Saya jangka mesej yang saya sampaikan tadi sudah cukup sebagai mukadimah kepada pemimpin-pemimpin baru kita. Saya tidak berhajat untuk mendalaminya di majlis ini kerana masih banyak peluang dan ruang untuk kita berjumpa dan berbicara. Apa yang penting ialah keprihatinan saudara-saudari kepada amanah dan tanggungjawab baru untuk bersama membawa Perkhidmatan Awam dan negara ke tahap kejayaan yang lebih tinggi. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat. Atas semangat kesepakatan dan kerjasama ini jugalah kita mempelawa sahabat-sahabat yang akan meninggalkan kita untuk terus mendampingi perkhidmatan awam sambil membantu kita menjayakan misi besar ini.

18. Bagi mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan selamat menjalani kehidupan baru bagi mereka yang bersara. Bagi pihak Perkhidmatan Awam dan Kerajaan, saya merakamkan ucapan penghargaan atas sumbangan saudara-saudari sekalian kepada Perkhidmatan Awam dan negara. Kita sama-sama berdoa agar saudara-saudari sentiasa sihat walafiat dan terus berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi. Sesungguhnya, khidmat bakti yang ditabur akan terus berkembang dan mewangi di mana sahaja anda berada. "The fragrance always remains in the hand that gives the rose." Kepada isteri-isteri dan suami-suami rakan-rakan yang bersara, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kesabaran serta sokongan yang diberi kepada pasangan masing-masing sepanjang mereka berkhidmat dengan Kerajaan.

Anak haruan lima-lima Keli menetas di punggung berdaun Budi tuan kami terima Jadi kenangan bertahun-tahun 19. Kepada pegawai-pegawai yang baru dilantik ke jawatan yang lebih tinggi, sekali lagi diucapkan tahniah dan selamat maju jaya. Anggaplah amanah ini satu cabaran baru buat anda. Ingatlah pesanan Albert Einstein, "In the middle of every difficulty, lies opportunity".

Tarik temali di pagi hari Tali dibuat mengikat mengkuang Patah kan tumbuh hilang berganti Bulatkan tekad dalam berjuang Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.